

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan keuntungan syarikat swasta MyEG yang bertanggungjawab mengendali perlesenan dan apa-apa tugas Kerajaan bagi tahun 2015 dan berapakah akan dijangka dikutip oleh kerajaan persekutuan. Nyatakan keuntungan bagi setiap tugas MyEG. Adakah Kerajaan memberi peruntukan kepada MyEG setiap tahun.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat MyEG menyediakan pelbagai perkhidmatan atas talian agensi kerajaan seperti berikut:

1. **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**
 - (a) Semakan saman JPJ dan pembayaran saman
 - (b) Semakan mata KEJARA
 - (c) Penjadualan dan pengambilan ujian teori berkomputer Bahagian 1 Undang-undang (di Pusat Ujian e-Khidmat)
 - (d) Pengeluaran Lesen Belajar Memandu (LDL)
 - (e) Pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL)
 - (f) Pertanyaan tarikh luput Lesen Memandu melalui SMS
 - (g) Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM)
 - (h) Permohonan Tukar Milik Sementara
 - (i) Permohonan Tukar Milik Sukarela

2. **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)**
 - (a) Semakan saman trafik dan pembayaran saman trafik
 - (b) Semakan gambar kesalahan trafik

3. **Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)**
 - (a) Semakan status kebangkrapan individu
 - (b) Semakan status penggulungan syarikat

4. **Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**
 - (a) Permohonan untuk penggantian MyKad

5. **Jabatan Imigresen Malaysia (IMM)**
 - (a) Pembaharuan Permit Pembantu Rumah Asing

6. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

- (a) Pembayaran kompaun
- (b) Pembayaran cukai taksiran
- (c) Pembayaran pelesenan

Kerajaan Persekutuan dijangka dapat mengutip hasil dari perkhidmatan e-Khidmat sebanyak **RM1.1 billion** pada tahun 2015. Jangkaan keuntungan Syarikat MyEG yang bertanggungjawab mengendali perkhidmatan e-Khidmat bagi tahun 2015 adalah dianggarkan sebanyak **RM50.0 juta**. Kerajaan **tidak** memberi peruntukan kepada Syarikat MyEG setiap tahun kerana perkhidmatan e-Khidmat dilaksanakan secara konsep *Build, Own and Operate* (BOO) dan Kerajaan membayar caj perkhidmatan berdasarkan transaksi yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.